

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA BANTUAN MURID PERINGKAT SEKOLAH
(JBPS) BILANGAN 1 SESI 2024/2025**

Tarikh : 8 Mei 2024
Hari : Khamis
Masa : 1.30 – 3.00 petang
Tempat : Kamar Seri Indah
Pengerusi : En Mohd Nazri bin Basirun (Pengerusi)
Kehadiran : Rujuk Lampiran
Tidak hadir : tiada

1. PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1 En Mohamad Nazri (GPK HEM) memulakan Mesyuarat Jawatankuasa Bantuan Murid Peringkat Sekolah (JBPS) kali pertama sesi 2024/2025 dengan bacaan Ummul Kitab, Al-fatihah. Beliau mengalu-alukan kehadiran semua guru yang terlibat dengan mengucapkan ribuan terima kasih dan bersyukur kepada Allah kerana diberi peluang dan kesempatan untuk menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Bantuan Murid Peringkat Sekolah (JBPS), Sekolah Kebangsaan Air Merah bagi sesi persekolahan sesi 2024/2025.
- 1.2 Beliau merakamkan jutaan tahniah, syabas serta terima kasih kepada semua barisan guru di atas kerjasama dan komitmen yang diberikan sepanjang sesi 2023/2024. Beliau juga mengingatkan guru-guru perlu sederap bersama di dalam semua bidang kerja, tolong menolong dan menjadi guru yang mempunyai integriti yang tinggi terutamanya di dalam bidang hal ehwal murid.

Makluman : Semua guru

2. MEMBENTANG DAN MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT YANG LALU.

- 2.1 Puan Syazwana Binti Yusof selaku Setiausaha Unit Bantuan Murid Peringkat Sekolah (JBPS) membentangkan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Unit Bantuan dan Kebajikan kali ke-3 untuk diterima dan disahkan.
- 2.2 Pn Norfarahin binti Izahar mencadangkan minit mesyuarat yang lalu diterima dan disahkan. Cadangan disokong oleh Pn Suzana binti Yahaya

Makluman : Semua guru

3. MAKLUM BALAS

- 3.1 Tiada

4 LAPORAN UNIT-UNIT JAWATANKUASA BANTUAN MURID PERINGKAT SEKOLAH (JBPS)

4.1 KUMPULAN WANG AMANAH PELAJAR MISKIN (KWAPM)

- 4.1.1 Pihak sekolah telah menerima peruntukan bagi KWAPM Kecemasan untuk murid bernama Nur Akma Izzara Binti Kamaruzzaman (5 Mantap) sebanyak RM 300.00. Permohonan ini telah dihantar pada 21 Januari 2023 ke PPDKBB. Murid tersebut telah kehilangan penjaga 1, Encik Kamaruzzaman binti Ibrahim yang telah meninggal dunia pada 19 Disember 2023. Wang Peruntukan yang turun sebanyak RM300.00 telah diserahkan secara tunai kepada waris/penjaga ke-2 pada 15 hb April 2024.

4.1.2 Puan Ruhaizam binti Ahmad, Setiausaha Unit KWAPM memaklumkan berkaitan syarat kelayakan penerima KWAPM bermula sesi 2024/2025 :

- a) Murid warganegara Malaysia
- b) Pendapatan isi rumah RM1198.00 dan ke bawah atau perkapita RM 322 dan ke bawah dan mengikut mengikut PGK MT 2022.
- c) Murid-murid yang menerima bantuan-bantuan seperti biasiswa, EMK dan lain-lain bantuan masih layak menerima bantuan KWAPM.
- d) Data murid di dalam APDM sehingga 2 April 2024 sahaja akan diambil kira untuk pemilihan

4.1.3 Pengerusi memaklumkan berkaitan pengemaskinian maklumat pendapatan dan tanggungan keluarga murid telah dilaksanakan oleh semua guru kelas sebelum 31 Mac 2024. Pengemaskinian ini bertujuan sebagai rujukan pemilihan untuk semua unit kecil bantuan dan kebajikan. Beberapa orang waris yang layak juga telah dihubungi oleh GPK HEM apabila terdapat kemusykilan berkaitan jumlah pendapatan dan jumlah tanggungan yang telah diisi oleh waris.

4.1.4 Pengerusi berharap jawatankuasa KWAPM peringkat sekolah bersama dapat membuat pemilihan yang tepat agar keluarga yang kurang berkemampuan layak menerima semua bantuan KWAPM sebanyak RM100.00 yang diperuntukkan kerajaan dan tiada keciciran berlaku disebabkan kesilapan pemilihan oleh pihak sekolah.

Senarai penerima KWAPM yang diperolehi daripada JPN Negeri Kedah.
<https://drive.google.com/file/d/1GtnDFQ1mtub9o81VJewlgYkjV6Plu4A/view?usp=sharing>

Senarai pemilihan KWAPM di peringkat sekolah.
<https://docs.google.com/spreadsheets/d/18JUV6QQ7D1XjrTjOG8LDpfA0smudJ5bh0mh-OmuyubM/edit?usp=sharing>

4.1.5 Pengerusi juga memaklumkan maklumat berkaitan 73 orang murid penerima KWAPM sesi 2024/2025 telah disahkan oleh Puan Suzzana binti Md. Saad, Guru Besar SK. Air Merah pada 7 Mei 2024 di dalam sistem APDM. Pelaksanaan KWAPM tahun 2024 merujuk kepada garis panduan seperti di bawah:
<https://drive.google.com/file/d/18SUREwjyct0F0onOfiKj0lCrvHv10py-view?usp=sharing>

Makluman : Semua AJK

4.2 BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN

4.2.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih atas kelancaran penyerahan Bantuan Awal Persekolahan yang dilaksanakan pada 19 Mac 2024 dan. Agihan bantuan ini melibatkan pengagihan peruntukan secara tunai berjumlah RM 23400.00 kepada 156 orang murid Tahun 1 Perdana dan PPKI (Pembelajaran). Pengagihan dibuat secara tunai kepada waris / penjaga murid melalui guru kelas masing-masing. Setiap murid terlibat menerima wang BAP sebanyak RM150.00.

- 4.2.2 Pengerusi juga mengucapkan terima kasih kepada pihak PDRM yang menyediakan beberapa orang pengiring di dalam membantu memastikan keselamatan pengambilan wang Bantuan Awal persekolahan.
- 4.2.3 Puan Basyirah Binti Mohamed Hilmi, Setiausaha unit Bantuan Awal Persekolahan memaklumkan pada 24 April 2024, pengagihan BAP tambahan telah dilaksanakan dan 4 orang murid telah menerima RM150 / individu secara tunai. Penyerahan BAP tambahan ini dibuat pejabat sekolah. Murid-murid yang terlibat ialah:
1. Nur Lailatul Amalin binti Mohd Abdul Hamid (4T)
 2. Inas binti Ihsan 3T
 3. Muhammad Rayyan Rizqin bin Mohamad Shafiq Bahar (5T)
 4. Nur Arifah Qaisara binti Mohamad Shafiq Bahar (4T)
- 4.2.4 Puan Basyirah Binti Mohamed Hilmi, Setiausaha Unit Bantuan Awal Persekolahan juga menjelaskan terdapat seorang lagi murid bernama Nur Aqeela Maisarah binti Muzammir (2T) belum menerima BAP Tambahan. Pegawai di PPD Kulim Bandar Baharu telah dimaklumkan dan permohonan akan diproses sebelum Julai 2024

Makluman : Semua AJK

4.3 Zakat Sekolah

- 4.3.1 En. Nazri bin Abd. Ghoni , Setiausaha Unit Zakat memaklumkan pihak sekolah telah menerima peruntukan sebanyak RM 20,382.88 dari Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK).
- 4.3.2 En. Nazri bin Abd. Ghoni juga memaklumkan agihan zakat yang telah dibuat setakat 7 Mei 2024 merangkumi:
- 4.3.2.1 Bantuan buku tulis kepada 88 org murid berjumlah RM11,083.50.
 - 4.3.2.2 Sumbangan PIBG kepada 65 keluarga yang kurang berkemampuan berjumlah RM 3250.00
- 4.3.3 En. Nazri bin Abd. Ghoni, Setiausaha Unit Zakat menjelaskan baki berjumlah RM 6049.38 akan diagihkan dalam bentuk pembukaan akaun bank bagi Asnaf yang disenarai pendek dalam masa yang terdekat.

4.4 Rancangan Makanan Tambahan (RMT)

- 4.4.1 Pengerusi memaklumkan Jawatankuasa RMT telah membuat pemilihan kali pertama penerima RMT tahun 2 hingga 6 sesi 2024/2025 pada 22 Januari 2024. Seramai 89 orang murid terpilih berdasarkan syarat yang ditetapkan iaitu kelayakan warganegara dan PGK makanan 2019. Terdapat beberapa orang murid RMT akan berpindah pada 10 Mac 2024 iaitu:
- Dwi Mardeena Elleycca Binti Muhammad Marwan (3T)
 - Dwi Maryyam Eyzaleeya Binti Muhammad Marwan (3T)
 - Ahmad Mustafa Bin Muhammad Nasrullah (1U)
 - Muhammad Maleeq El Fayyedh Bin Muhammad Marwan (1 T)

Terdapat juga beberapa murid yang menolak RMT dan PSS seperti di bawah :

- Muhammad Firas Bin Mohd Alif (Khas 2 Baiduri)
- Muhammad Sufi Harraz Bin Muhammad Shahril (2 Baiduri)

dan peruntukan yang dipohon bagi RMT Fasa-1 berjumlah RM 59850.00

- 4.4.2 Puan Kalaichelvi a/p Selvam selaku Setiausaha RMT memaklumkan pada 12 Mac 2024, pemilihan murid penerima RMT tahun 1 sesi 2024/2025 dan murid cicir telah dilaksanakan berdasarkan syarat warganegara Malaysia dan PGK Makanan 2019. Seramai 18 orang murid telah dipersetujui sebagai penerima RMT sesi 2024/2025. Ini menjadikan jumlah keseluruhan penerima RMT ialah 107 orang murid.

Senarai penerima RMT sesi 2024/2025.

https://docs.google.com/spreadsheets/d/1fLtrXTZrGX325CkmXkYuQuHcRqnmnEEqCNwuDTI3_Q/edit?usp=sharing

- 4.4.3 Pengerusi berharap unit RMT dapat melaksanakan tugas dengan baik khususnya berkaitan pemantauan kualiti dan kuantiti makanan RMT, melengkapkan fail RMT dan melaksanakan tanggungjawab dengan merujuk kepada Buku Panduan Pengurusan RMT 2.0 seperti di dalam pautan di bawah.

<https://drive.google.com/file/d/1XoJqoqJhKB9e8OU87b3bXuj-Ok8jxgBX/view?usp=sharing>

Tindakan : AJK RMT, Kantin dan Guru Bertugas

4.5 Sumbangan / Tabung Kilat

- 4.5.1 Puan Roozana binti Thori, Setiausaha Unit Sumbangan dan Tabung/Kilat memaklumkan pada 17 Mac 2024, sumbangan/tabung kilat secara tunai telah diserahkan kepada waris Nur Akma Izzara binti Kamaruzzaman (5 Mantap). Bapa murid tersebut telah meninggal pada 19 Disember 2023.
- 4.5.2 Pengerusi mengucapkan terima kasih atas kutipan sumbangan dan memohon setiausaha Unit Sumbangan dan Tabung/kilat untuk menyediakan fail dan laporan berkaitan kutipan dan penyerahan bagi memudahkan rujukan.

6. HAL-HAL LAIN

- 6.1 Pengerusi mengingatkan semua guru agar memastikan murid sentiasa berdisiplin dan mematuhi peraturan sekolah walaupun telah berada di akhir sesi 2023/ 2024.

Makluman : Semua guru

7. UCAPAN PENANGGUHAN

- 7.1 Beliau berharap agar kita sama-sama dapat saling bekerjasama dan membantu dalam pelaksanaan setiap program di bawah Unit HEM.
- 7.2 Pengerusi juga memaklumkan untuk sesi 2024 / 2025 , unit HEM akan menggunakan sepenuhnya laman web seperti di bawah bagi memantapkan lagi serta mewujudkan sistem pengurusan HEM yang lebih tersusun dan sistematik.

Laman Web HEM SK Air Merah:

<https://sites.google.com/view/skairmerah/laman-utama>

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 2.45 petang.

Disediakan oleh,

(SYAZWANA BINTI YUSOF)
Setiausaha HEM 2024/ 2025
SK Air Merah

Disemak oleh,

(MOHAMAD NAZRI BIN BASIRUN)
GPK Hal Ehwal Murid
SK Air Merah

LAPORAN MAKLUM BALAS STATUS PERLAKSANAAN KEPUTUSAN MESYUARAT

Tajuk : Mesyuarat JBPS Bil. 1 sesi 2024/2025

Tarikh : 6 Jun 2024

BIL	RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN	PELAKSANAAN	CATATAN
1.	4.1.4	Pemilihan calon cicir KWAPM berdasarkan PGK MT 2022..	Jawatankuasa Unit KWAPM	Sebelum 30 Jun 2024	Dalam proses
2.	4.2.4	Semakan permohonan BAP Tambahan untuk seorang murid bernama Nur Aqeela Maisarah binti Muzammir (2T)	GPk HEM dan Setiausaha BAP	GPk telah menghubungi pegawai PPD terbabit dan dimaklumkan permohonan masih dalam proses	Dalam proses
3.	4.3.3	Pembukaan akaun bank bagi Asnaf.	Setiausaha Unit Zakat		Dalam proses
4.	4.4.4	Pelibatan murid RMT di dalam program Marhalah 2.0	Jawatankuasa RMT	23 Mei 2024	Telah selesai

Disediakan oleh :

.....
(SYAZWANA BINTI YUSOF)
Setiausaha JBPS
Sk Air Merah